

Belia perlu berusaha sendiri dahulu

Jangan hara

ipkan

BH 16 MAY 1985

derma sahaja:

: PM

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan persatuan-persatuan belia jangan terlalu banyak membuat pungutan derma melalui jamuan di hotel-hotel besar untuk menjayakan kegiatan.

"Persatuan belia hendaklah mengasingkan diri daripada kegiatan meminta-minta ini tanpa

"Ada beberapa persatuan belia di negara ini yang keahliannya dikhususkan untuk sesuatu kaum tertentu sahaja dan ini boleh memisahkan antara satu kaum belia dengan yang lain." ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir mengakui tugas meningkatkan perpaduan dan persefahaman di kalangan masyarakat

belia yang teratur di negara ini dengan berasaskan prinsip yang kukuh adalah penting bagi membangunkan negara kerana belia meliputi 76 peratus rakyat negara ini.

Cergas

Prinsip-prinsip itu, jelasnya ialah pemimpin-

berusaha sendiri terlebih dahulu. Semua kegiatan belia akan lebih bermakna jika ia bergerak atas daya usaha sendiri tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan atau orang ramai," tegasnya.

Berucap di perhimpunan Belia Antarabangsa di Stadium Negara di sini, hari ini, Perdana Menteri juga menegur persatuan-persatuan belia yang mengadakan kegiatan mengikut majoriti kaum yang menganggotainya.

Beliau menegaskan, belia semua kaum hendaklah mengadakan kegiatan bersama bagi memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dan persefahaman antara kaum.

"Kaum belia mestilah menganggap diri mereka warganegara Malaysia dan menghapuskan sikap kedaerahan atau kenegerian dalam usaha memajukan negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, rancangan-rancangan belia hendaklah menyentuh pembinaan identiti Malaysia secara menyeluruh supaya tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif.

"Para belia hendaklah memperbaiki strategi dan meningkatkan penyertaan mereka dalam usaha mewujudkan sebuah masyarakat dan negara yang lebih kukuh dan makmur.

majmuk Malaysia agak berat, tetapi katanya, ia boleh dicapai jika belia memberikan sumbangannya dengan ikhlas dan bersungguhsungguh.

Berat

Beliau menambah, para belia juga perlu cerugas dalam pergerakan belia antarabangsa supaya pendedahan dan perkongsian pengalaman dapat menyumbang ke arah persefahaman antarabangsa.

Sehubungan itu, beliau meminta mereka mementingkan nilai-nilai sejagat seperti hormat menghormati, cintakan tanahair, persefahaman dan keamanan.

Mengenai penyalahgunaan dadah, beliau berkata, persatuan-persatuan belia mesti mengambil tindakan positif dengan mempelbagaikan kegiatan bagi menarik lebih ramai belia menganggotainya.

Katanya, pembinaan

pemimpin belia mesti mempunyai sifat kepimpinan yang matang dan mampu menggalakkan penyertaan yang cerugas semua ahlinya, mengamalkan prinsip rukunegara, meninggikan taraf keilmuan dan mengamalkan sistem nilai seperti kerajinan, disiplin dan keikhlasan.

Mengenai pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tahun ini sebagai Tahun Belia Antarabangsa dan bertemakan 'Penyertaan, Pembangunan, Perdamaian' Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia wajar kerana memberi peluang secara langsung kepada belia menyelesaikan isu-isu penting yang dihadapi oleh mereka.

Lebih 10,000 belia dari 30 pertubuhan belia di negara ini dan 14 negara luar menyertai perhimpunan itu. Turut hadir ialah beberapa menteri kabinet dan penderma Jepun, Encik Kampo Harado. Beliau menderma \$10 juta untuk pembinaan Pusat Belia Antarabangsa.